

13/08/1998

Umno usah terbabit isu remeh

KOTA KINABALU, Rabu - Pemimpin Umno di semua peringkat diminta jangan membabitkan diri dalam perbalahan isu remeh-temeh, sebaliknya memberi tumpuan kepada persediaan menghadapi pilihan raya akan datang.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam dalam mesyuarat malan tadi turut meminta jentera parti menunjukkan contoh yang baik kepada parti komponen Barisan Nasional (BN) lain bagi menghadapi pilihan raya.

"Semua pihak perlu komited bagi memastikan calon BN berjaya.

"Saya turut mengarahkan pemimpin dan ahli Umno mengamalkan konsep kesederhanaan dan sanggup bekerjasama dengan parti komponen bagi menjamin kemenangan," katanya.

Uso berkata, Umno mempunyai rekod kerjasama yang baik sehingga boleh menjadi parti kerajaan yang paling lama berkuasa di dunia.

Mengenai peletakan jawatan Datuk Abdul Ghapur Salleh sebagai Timbalan Ketua Perhubungan Umno Sabah, Uso berkata, surat berkenaan sudah dipanjangkan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk tindakan lanjut.

"Terpulang kepada Dr Mahathir untuk memilih pemimpin Umno yang baru bagi menggantikan Ghapur atau sebaliknya menolak sekali permohonan Ghapur...siapa tahu?" katanya.

Menurut Uso, pemilihan pemimpin untuk menjawat jawatan Timbalan Pengerusi biasanya diberikan kepada pemimpin Sabah yang berkhidmat dalam Kerajaan Pusat sekiranya Pengerusinya berada di dalam kabinet kerajaan negeri.

(END)